

26 premis perniagaan guna khidmat warga asing ditutup

FOTO: FACEBOOK DBKL



Penguat kuasa DBKL menampal notis penutupan di pintu salah sebuah premis perniagaan dalam operasi di Kuala Lumpur pada 16 sehingga 30 September lalu.

KUALA LUMPUR - Sebanyak 26 premis perniagaan yang dikendalikan warga asing diarah tutup oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Ops Patuh yang dilaksanakan pada 16 sehingga 30 September lalu.

DBKL menerusi kenyataan di Facebook berkata, sepanjang operasi berkenaan, sebanyak 115 kompaun atas pelbagai kesalahan turut dikeluarkan kepada pemilik premis.

Menurutnya, seramai 44 pengendali dan pekerja premis warga asing yang dikenal pasti dalam operasi tersebut ditahan untuk diambil keterangan bagi tujuan dokumentasi serta tindakan susulan.

“Ops Patuh kali ini dilaksanakan di 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melibatkan premis perniagaan dan komersil,” menurut kenyataan tersebut pada Jumaat.

DBKL selain itu berkata, sebanyak 11 kompaun turut dikeluarkan ke atas pemilik premis kerana didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Beliau berkata, pelaksanaan Ops Patuh itu akan diteruskan dari masa ke masa sehingga tamat tempoh penguatkuasaan Pelan Pemulihan Negara (PPN).